

Umno tetap Umno

BH 23 OCT 1988

KUALA LUMPUR, Jumaat — Umno tetap Umno. Ia tidak berubah di segi semangat, perjuangan, perlembagaan dan keahliannya daripada Umno yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946 di Johor Bahru, tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Umno tetap parti ulung yang mewakili orang Melayu, yang berjuang menentang Malayan Union, yang berjuang mencapai kemerdekaan, yang berjuang mengisi kemerdekaan itu dengan semua keperluan dan hak satu bangsa merdeka dan yang berjuang meletakkan kedudukan orang Melayu di tempat yang tinggi.

"Umnolah juga yang kekal menjadi tulang belakang Barisan Nasional (BN). Ini bermakna Umno sebagai alat perjuangan orang Melayu tidak pernah tidak wujud," kata Presiden Umno ketika menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno 1988 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Oleh itu, katanya, hukuman bahawa Umno tidak sah adalah perkara teknikal dan pendaftaran semula juga menjadi satu perkara teknikal.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa politik orang Melayu kini sudah sampai ke tahap bahaya, sedangkan matlamat perjuangannya belum tercapai. Kerana perpecahan, orang lain kini menanggung di air keruh.

Laporan AHMAD PUAH ONAH, MOHD NOH SENAN, SA'ODAH ELIAS, JAILANI HARUN, HISHAMUDIN AUN, ZAINI ZAINUDDIN AIRY LIM, ROSNIZA RASUL, OTHMAN MAMAT dan WAN SABARIAH SHIKH ALI

Menurutnya, pemimpin Umno tidak mahu perpecahan berterusan kerana tidak mahu orang Melayu menjadi lemah.

"Kita tidak mahu orang Melayu diperalatkan untuk menggagalkan orang Melayu sendiri. Kita mahu mereka bersatu kerana kita yakin perpaduan dan kekuatan politik Melayu penting untuk menstabilkan negara.

"Justeru itu, kita sedia berunding dan menerima sesiapa sahaja, sama ada bekas ahli atau pun bukan. Bahkan, kita juga sedia menerima ahli PSRM, Pas atau DAP asalkan mereka Melayu dan bersedia menghayati dasar serta perjuangan Umno," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebagai parti yang hidup, Umno melalui banyak evolusi mengikut perkembangan negara dan peredaran zaman, dan semua perubahan itu sentiasa mengikut proses demokrasi yang didokong oleh parti.

Katanya, seperti mana tindakan Datuk Onn dan penyokongnya meninggalkan Umno tidak menjejaskan kekuatan dan perjuangan parti untuk orang Melayu, begitu juga penyingkiran beberapa tokoh oleh presiden parti tidak menjejaskan kemantapan Umno.

Menurutnya, sebelum ini juga ramai ahli yang dipecat dan antara tokoh Umno yang pernah disingkir ialah seorang bekas menteri, Encik Aziz Ishak, bekas Ketua Kaum Ibu, Allahyarhamah Khatijah Sidek dan beliau sendiri kerana mengkritik kerajaan ketika itu.

Beliau berkata, pindaan perlembagaan sekarang bukan isu kerana sejak zaman pimpinan Datuk Onn Jaafar dahulu pun perlembagaan parti pernah beberapa kali dipinda, tetapi pindaan itu tidak pernah mengubah asas, semangat, cita-cita dan perjuangan Umno.

Presiden Umno juga menghuraikan panjang lebar tindakan segelintir bekas ahli yang disebutnya sebagai golongan serpihan yang cuba memecahbelahkan perpaduan orang Melayu untuk kepentingan peribadi mereka.

"Setelah gagal meyakinkan orang Melayu bahawa tindakan mereka adalah untuk Umno dan orang Melayu, mereka sekarang menyeberang pula ke pihak pembangkang dengan bekerjasama dengan DAP yang menjadi musuh ketat kepimpinan Melayu dan Umno.

"Jika golongan minoriti itu percaya pada demokrasi, mereka sepatutnya patuh pada keputusan majoriti dan tidak

memaksa majoriti menerima kepemimpinan mereka," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kumpulan itu mendakwa mereka tidak menyokong kepemimpinan Umno sekarang kerana apabila mereka kalah dalam pemilihan, mereka digugurkan daripada Kabinet.

"Apakah itu perkara ganjil? Penyingkiran memang kerap berlaku sejak zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman lagi apabila seseorang itu menentang kepemimpinan majoriti," katanya.

Bagaimanapun, katanya, adalah perlu diingatkan bahawa penyingkiran beberapa anggota Kabinet tahun lalu bukan kerana pendirian politik, tetapi kerana mereka tidak berpegang pada sumpah dan ikrar dan kerana membocorkan rahsia kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam usaha golongan serpihan itu merebut kuasa, mereka hanya mengancam orang pemimpin yang memegang jawatan tertinggi kerana percaya jika pemimpin berkenaan digulingkan, tokoh daripada kalangan mereka yang mengisi jawatan itu akan menggantikan semua pemimpin lain dengan orangnya.

Menurut beliau, orang Melayu dan rakyat Malaysia bukanlah jahil sehingga tidak faham muslihat ini. Rakyat juga tidak percaya jika kumpulan serpihan itu berjaya, tidak ada menteri atau timbalan menteri yang akan disingkirkan.